



Buletin  
Perpustakaan  
Negara Malaysia

Bil.1/2016  
ISSN : 0128-8679

# Perpustakaan



Menarik di dalam



6-7



9



6-7



4-5



14-15



1



# ISI KANDUNGAN



- Kem Membaca, 6-7
- Komuniti, Kuching, 8

LITERASI MAKLUMAT



BENGKEL/LATIHAN

- Sesi Latihan Hands-On, 9



- Perhimpunan Bulanan 1/2
- Sidang Khas Bersama M

## MENARIK JUGA DI DALAM



Mesyuarat PPM di PNM

Zumba, Jom sihat



Reading in The Park

Sesi Pembangunan Professionalisme



Pesta Sukan PNM 2016



- Pameran K Negara, 1



## PROGRAM GALAKAN MEMBACA



- PBAKL 2016, 16  
- Jom Baca, 2-3



2016, 12  
Media, 1



PAMERAN  
Khazanah Warisan

9

Assalamualaikum w.b.t,  
Salam Sehati Sejiwa,

Tahun 2016 adalah tahun yang amat mencabar kepada Perpustakaan Negara Malaysia. Program-program jabatan ini adalah seiring dengan hasrat kerajaan melestari dan mentransformasi perkhidmatan sejajar dengan tahun 2020 yang makin hampir dengan kita.



Pustaka : Buletin Perpustakaan Negara Malaysia bilangan 1/2016 ini merakamkan beberapa peristiwa penting jabatan yang ingin dikongsi bersama. Pada keluaran kali ini pembaca disajikan dengan berita antaranya Perhimpunan Bulan jabatan, Pameran Khazanah Negara, Kem Membaca 1Malaysia, Jom Baca 10 minit dan pelbagai lagi. Disamping itu, tambah menarik program singgah santai Perpustakaan Negara Malaysia yang julung kalinya diadakan mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Tidak ketinggalan juga promosi produk dan servis jabatan seperti U-Pustaka dan sesi Hands-On pangkalan data yang dilanggan jabatan. Jelajah perpustakaan desa seperti kebiasaan turut dimuatkan di dalam keluaran ini.

Untuk menambah seri keluaran ini juga berita bergambar rangkuman 4 bulan aktiviti Perpustakaan Negara Malaysia diselitkan untuk tatapan pembaca yang budiman.

Akhir kata, rakyat berilmu memartabatkan bangsa.  
Bangsa Membaca, bangsa berjaya.

Sekian, terima kasih.

Pengarah Perkhidmatan Korporat  
*Selaku Ketua Editor*  
Pustaka : Buletin PNM  
Tahun 2016



# SIDANG REDAKSI 2016

**PENASIHAT** : Puan Hajah Nafisah binti Ahmad  
Ketua Pengarah PNM  
[nafisah@pnm.gov.my](mailto:nafisah@pnm.gov.my)

**KETUA EDITOR** : Encik Kamarudin Mat Nata  
Pengarah Perhubungan Korporat  
[kamardin@pnm.gov.my](mailto:kamardin@pnm.gov.my)

**EDITOR** : Puan Rosimah binti Soad  
Penolong Pengarah Kanan BKK  
[rosimah@pnm.gov.my](mailto:rosimah@pnm.gov.my)

Cik Azfaradilla binti Zainal Abidin  
Penolong Pengarah BKK  
[azfaradilla@pnm.gov.my](mailto:azfaradilla@pnm.gov.my)

**PENYUMBANG Artikel** : Encik Ali bin Rashid  
Timbalan Pengarah BPinjaman  
[ali@pnm.gov.my](mailto:ali@pnm.gov.my)

Encik Mohd Rizal bin Abdullah  
Timbalan Pengarah BKPSM  
[rizal@pnm.gov.my](mailto:rizal@pnm.gov.my)

Encik Mahazatfetri bin Mahmud  
Penolong Pengarah BPPD  
[mahazatfetri@pnm.gov.my](mailto:mahazatfetri@pnm.gov.my)

Cik Noor Azila binti Mohd Nor  
Penolong Pengarah BGLM  
[azila@pnm.gov.my](mailto:azila@pnm.gov.my)

Puan Nurul Suhaiza binti Nain@Abdul Salam  
Penolong Pengarah PRLMN  
[suhaiza@pnm.gov.my](mailto:suhaiza@pnm.gov.my)

Puan Siti Shafarah binti Shamsudin  
Penolong Pustakawan Kanan BSE  
[shafarah@pnm.gov.my](mailto:shafarah@pnm.gov.my)

Encik Wan Mohd Saiful bin Mohd Ghazali  
Penolong Pustakawan BRSP  
[wan\\_saiful@pnm.gov.my](mailto:wan_saiful@pnm.gov.my)

**KOORDINATOR PENERBITAN** : Puan Hashimah binti Mohd Yusof  
Timbalan Pengarah BKK  
[Hashimah@pnm.gov.my](mailto:Hashimah@pnm.gov.my)

**PENTADBIR WEB : JABATAN** : Puan Nurul Amalina binti Mohamed Anawa  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
[amalina@pnm.gov.my](mailto:amalina@pnm.gov.my)

**SUSUN ATUR / KONSEP** : Encik Mohd Firdaus bin Ngah Sa'aya  
Penolong Pustakawan BKK  
[firdaus\\_ngah@pnm.gov.my](mailto:firdaus_ngah@pnm.gov.my)

**FOTOGRAFI** : Encik Muhamad Khairi bin Jaafar (BSE)  
Puan Nor'aini binti Mohamed Noor (BSE)  
Puan Nor Hidayah binti Abdul Halim (BSE)

**ACCESS 4 ALL**

**APLIKASI MUDAH ALIH U-PUSTAKA**

**MENDAFTAR SEBAGAI AHLI U-PUSTAKA**

**AKSES KE AKAUN PERIBADI MELALUI APLIKASI MUDAH ALIH U-PUSTAKA**

**ACCESS 4 ALL "MEWUJUDKAN MASYARAKAT MALAYSIA BERBUDAYA MEMBACA DAN BERILMU MENJELANG 2020"**

**PERKHIDMATAN SUMBER ELEKTRONIK PNM (PNM DIGITAL)**

- E-BOOK - 7,821,568
- E-SURAT KHABAR - 3,000
- E-JURNAL - 717,712
- E-MAJALAH - 1,351
- BERITA & LAPORAN - 5,753,001
- BUKU AUDIO - 124,580

**Status Keahlian Portal PNM Digital**

**Status Langganan Pangkalan Data**

**INOVASI U-PUSTAKA**

**Ribuan eBooks di hujung jari anda!**

1 LAYARI PNM 2 MUAT TURUN APP 3 DAFTAR 4 BACA!

**PNM.ELIB.COM.MY**

**SUMBER MAKLUMAT @ PNM**  
<http://pnmdigital.com/>

- BRITANNICA Online Library Edition**  
<http://library.ebonline.com>
- zinio Digital Magazines**  
<https://www.zinio.com>
- EBSCO HOST**  
<http://search.ebscohost.com>
- World eBook Library**  
<http://community.worldebooklibrary.org>
- BLIS BERNAMA**  
<http://blis.bernama.com>
- CREDO reference**  
<http://www.credoreference.com>
- LIBRARY PRESSDISPLAY**  
<http://library.pressdisplay.com>
- ebrary**  
<http://site.ebrary.com>
- OverDrive eBooks**  
<http://pnm.lib.overdrive.com>

Cetakan Pertama 2016  
@Perpustakaan Negara Malaysia  
Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan cara apa jua sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

Pustaka : Buletin Perpustakaan Negara Malaysia/Perpustakaan Negara Malaysia, -1985-  
-Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985-. Tahunan  
ISSN 0128-8679  
Libraries, National--Malaysia. 2. Corporation reports



# SIDANG MEDIA KHAS KLINIK JAWI

Oleh : Nor Azila binti Mohd Noor



Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM.fm) telah mengadakan Sidang Media Khas Rancangan Klinik Jawi pada 15 April 2016 bertempat di Bilik Serbaguna, PNM. Sidang media ini disampaikan oleh Puan Hajah Nafisah Ahmad (Ketua Pengarah PNM), Dr. Nik Roskiman Abdul Samad (Pengarah Pusat Media IKIM.fm) dan Rosli Abd Ghani (Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan DBP).

Majlis ini diadakan untuk menghebahkan musim baru penerbitan Rancangan Klinik Jawi di IKIM.fm sebanyak 90 episod yang bersiaran mulai 2 April 2016 hingga 30 Disember 2017. Rancangan ini bersiaran pada setiap Sabtu, jam 9.30 pagi, selama 30 minit dan dibimbing oleh Tuan Haji Azman bin Ahmad, Pegawai Perancang Bahasa, DBP bersama Penyampai Radio Tuan Haji Mohd Faiz Hj. Othman.

Rancangan Klinik Jawi musim keempat ini diterbitkan untuk memperkasa tulisan jawi dalam kalangan rakyat Malaysia dengan memperkenalkan sistem ejaan jawi baru melalui penyampaian yang ringkas, santai dan interaktif. Para pendengar berpeluang memuat naik modul Klinik Jawi di [www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my) dan berpeluang memenangi hadiah Kuiz Jawi melalui facebook Klinik Jawi di [www.facebook.com/klinikjawijawi](http://www.facebook.com/klinikjawijawi). Majlis ini juga disertai dengan Demonstrasi Khat, Pameran Manuskrip Melayu, Bengkel Cepat Baca Jawi, Puzzle Jawi, Sahibba jawi dan Pertandingan Uji Minda Jawi. Seramai 200 jemputan telah hadir ke majlis ini.

Rancangan Klinik Jawi mula diterbitkan oleh PNM di Radio IKIM.fm mulai 2 Jun 2012, yang ketika itu bersiaran selama 15 minit, setiap Sabtu, jam 10 pagi. Rancangan pembelajaran jawi yang berbentuk interaktif ini mula diperkenalkan di radio IKIM.fm bertujuan memberi pendedahan asas berkaitan sistem ejaan jawi yang disempurnakan. Rancangan ini telah berjaya menarik minat pendengar sebanyak 50,000 hingga 80,000 hits pendengar setiap kali bersiaran. PNM juga telah menerbitkan Buku Pembelajaran Jawi: Peringkat Asas karangan Tuan Haji Azman bin Ahmad hasil daripada modul Rancangan Klinik Jawi.



YBrs. Ketua Pengarah sempat menyertai kanak-kanak dalam pertandingan jom baca jawi



Pemenang pertandingan Uji Minda Jawi



Permainan Sahiba Jawi



Contoh kulit depan Buku Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas



# "JOM BACA BERSAMA"

Oleh : Nor Azila binti Mohd Noor



Program "Jom Baca Bersama 10 Minit" merupakan Program Galakan Membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun untuk menggalakkan pembacaan, penerbitan dan perlindungan harta intelek hak cipta.

Program "Jom Baca Bersama 10 Minit" telah dijalankan secara serentak pada 25 April 2016 (Isnin) mulai jam 11.00 pagi hingga 11.10 minit pagi di seluruh negara oleh perpustakaan awam negeri, institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, sekolah, agensi kerajaan, agensi swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).


Majlis Pelancaran Program "Jom Baca Bersama 10 Minit" peringkat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Hajah Nafisah binti Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bertempat di Auditorium PNM.

Pelbagai aktiviti yang berkonsepkan ilmu telah diadakan sempena program "Jom Baca Bersama 10 Minit". Seramai 1,123 orang peserta yang terdiri daripada pelajar pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah sekitar Lembah Kelang telah hadir bagi menjayakan aktiviti yang diadakan. Aktiviti yang diadakan sempena program ini ialah:

- (i) A Voyage Through Books: Alice in Wonderland
- (ii) Bacaan Naskhah Lama Manuskrip
- (iii) Bersama Dr. Buku: Buat Buku Sendiri
- (iv) Ceritalah Sayang bersama Kak Eryn
- (v) Read Me a Story
- (vi) Ceramah Cyber Security & The New Generation
- (vii) Demonstrasi Hafazan Al-Quran Kaedah Al-Baghdadi
- (viii) Jelajah Digital
- (ix) Kuiz e-teroka



YBhg. Ketua Pengarah menyampaikan hadiah bersama sa...





# BERSAMA 10 MINIT



ah PNM untuk pose berbeza. Atas, kepada adik comel. Bawah, membaca salah seorang adik terpilih.



Bacaan naskhah lama oleh murid-murid sekolah jempunan



Bersama Doktor buku



Mari melukis bersama Haji Buang Hussin



# PROGRAM SINGGAH SANTAI @PNM # RELAKSLAH DULU

Program Singgah Santai @PNM # Relakslah Dulu Perpustakaan Negara Malaysia merupakan aktiviti berskala sederhana yang merupakan jenama baru aktiviti galakan membaca (peringkat dalaman PNM) yang melibatkan kerjasama bahagian-bahagian perkhidmatan selaras dengan usaha memberi galakan kepada pengunjung untuk mengunjungi dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan serta melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti menarik yang mampu merangsang perkembangan minda dan interaksi sosial mereka.

Majlis pelancaran program berkenaan telah disempurnakan oleh YBrs Ketua Pengarah, Puan Hajah Nafisah Ahmad pada 12 Disember 2015 yang lalu di perkarangan PNM.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk menarik minat masyarakat untuk berkunjung ke perpustakaan dan sekaligus dapat merapatkan lagi hubungan antara perpustakaan dengan komuniti setempat bagi mewujudkan generasi yang membaca dan celik ilmu. Selain itu program Singgah Santai ini bertujuan mempromosikan perkhidmatan dan program PNM kepada masyarakat melalui konsep yang menarik dan pelbagai.

Program Singgah Santai @PNM # Relakslah Dulu.. berkonsepkan aktiviti santai untuk seisi keluarga datang membaca buku di PNM sambil mengikuti aktiviti-aktiviti menarik yang disediakan. Tema bagi setiap siri Singgah Santai adalah berbeza mengikut sambutan perayaan, isu semasa dan lain lagi antaranya Riang Ria Gong Xi Fa Chai, Pewaris Kemerdekaan, Kepelbagaian dalam Pembacaan, Belia dan Sukan, Kitar Semula 3R dan banyak lagi.

Pelbagai aktiviti berkonsepkan pembacaan dan keluarga akan diadakan seperti aktiviti kuiz, Kids Fun Games, Alice and Wonderlands, sesi bercerita, kraftangan, pintar jawi, melukis dan mewarna, mencanting batik, demonstrasi membuat pasu, bicara buku dan banyak lagi. Selain itu, para pengunjung juga berpeluang mempelajari masakan berkhasiat daripada chef jemputan, bicara buku bersama novelis terkenal, Bacaan Kegemaran Saya bersama selebriti dan tokoh penulisan serta komuniti setempat.



mas  
dari  
ban  
S  
perkh  
pem  
diac  
mar  
  
pers  
lebi  
diac

Gambar-gambar se



# RELAKSLAH DULU..



YBrs. Ketua Pengarah PNM menandatangani banting Program Singgah Santai simbolik perasmian Singgah Santai. Turut bersama Timbalan Ketua Pengarah PNM dan Pengarah Cawangan dan Komuniti



Tiga sekitar gambar aktiviti pentas, tetamu jemputan khas dan kanak-kanak yang dijalankan sepanjang Singgah Santai PNM

Agensi kerajaan, NGO dan badan berkanun turut mengadakan pameran dan promosi perkhidmatan masing-masing dalam usaha mendekatkan perkhidmatan kepada rakyat seperti pameran kerjaya pada MOSTI, PDRM, MARITIM, FRIM, Kementerian Kesihatan Malaysia, UTM, JPJ, FAMA dan banyak lagi.

Sempena program Singgah Santai ini juga, PNM turut mengadakan promosi perkhidmatan antaranya perkhidmatan U-Pustaka, perkhidmatan pinjaman berkelompok, keahlian perpustakaan, demo membuat ringan, Donate Book Project, promosi pangkalan data. Gerai niaga dan Car Boot Sale turut diadakan bagi membolehkan para pengunjung mendapatkan aksesori pakaian, makanan dan minuman, buku, produk kecantikan dan kesihatan serta banyak lagi.

Bagi menyeronokkan suasana sambutan program ini, para pengunjung turut dihiburkan dengan persembahan busker, lagu-lagu puisi, karaoke serta persembahan kesenian dan kebudayaan. Seramai lebih dari 1,500 orang pengunjung hadir memeriahkan program Singgah Santai pada kali pertama ia diadakan dan angka ini terus meningkat kepada 3,335 orang pada siri keempat iaitu bulan April yang lalu.

Sekitar gerai "outdoor" yang menyertai program Singgah Santai PNM




# KEM MEMBACA 1MALAYSIA

Oleh : N

## INFO MEMBACA

Slogan Kempen Membaca telah melalui beberapa fasa :

- 1995 Mari Membaca Bersama
- 1996 Generasi Berilmu Penggerak Wawasan Melangkah ke Era Siber :  
teruskan dengan membaca
- 1997 Mendalami Ilmu Pengetahuan :  
teruskan dengan membaca  
Menjelajahi Dunia Ilmu : teruskan dengan ilmu
- 1998 Kalau dahulu saya amalkan membaca – anda masih belum terlambat
- 1999 Ilmu Merintis Kecemerlangan Minda
- 2000 Membaca Amalan Ceria Anda :  
Masyarakat Berilmu Pemangkin Komuniti dan K-Ekonomi
- 2001 Membaca Merdekakan Minda
- 2002 Membaca@gaya hidup
- 2003 Membaca Santapan Minda Sekeluarga  
Bacalah Bersama Keluarga...
- 2004 Rajin Membaca Pasti Berjaya
- 2005 Bangsa Membaca Bangsa Berjaya
- 2006 Bangsa Membaca Bangsa Berjaya
- 2007 Bangsa Membaca Bangsa Berjaya
- 2008 Bangsa Membaca Bangsa Berjaya



### PENGENALAN KEMPEN MEMBACA

Kempen Membaca telah dilaksanakan secara rasminya pada tahun 1995 melalui sambutan Bulan Membaca Kebangsaan dengan slogan "Mari Membaca Bersama". Pelbagai aktiviti dan program berkaitan pembacaan dan ilmu telah dilaksanakan di seluruh negara sepanjang bulan Ogos yang berlangsung sehingga ke tahun 2000. Program ini telah diubah kemudiannya pada bulan Julai dari tahun 2001 hingga 2005 bagi mengelakkan pertindihan dengan sambutan bulan kemerdekaan. Kempen Membaca telah dijadikan sebagai agenda tahunan bertujuan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan bermaklumat dengan menjadikan amalan membaca sebagai budaya.



Perasmian Kem Membaca oleh YBhg.Dato' Sri Ha Pengarah Pelajaran Malaysia. Turut hadir YBrs.Puan Perpustakaan Negara Malaysia.



Sekitar galeri bergambar Kem Membaca

Mu  
dip  
efe  
ga  
Pe  
me  
Ge



# AYSIA

lor Azila binti Mohd Noor



YBhg. Dato' Sri Haji Khairil bin Haji Awang, Timbalan Ketua  
YBrs. Tuan Haji Aminudin bin Adam, Timbalan Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bersama Bahagian Teknologi Pendidikan Malaysia (BTPM) untuk kali keempat telah menganjurkan Kem Membaca 1Malaysia pada 4-6 April 2016 bertempat di Sekolah Menengah Sultanah Engku Tun Aminah, Johor Bahru, Johor.

KM1M 2016 dianjurkan dengan hasrat melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan bermaklumat serta menanamkan semangat cintakan ilmu pengetahuan melalui pembelajaran sepanjang hayat di samping mempromosi produk dan perkhidmatan PNM kepada pelajar, guru dan semua warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Majlis perasmian KM1M telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Khairil bin Haji Awang, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia di Dewan Sekolah Menengah Sultanah Engku Tun Aminah, Johor Bahru, Johor. Majlis Penutup pula telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Aminudin bin Adam, Pengarah Pendidikan Negeri Johor.

Bengkel Literasi Maklumat dan Media (LMM) merupakan pengisian utama dalam KM1M 2016. Objektif bengkel LMM ialah untuk meningkatkan kemahiran teknik pencarian, penilaian, penggunaan, pengurusan, dan penyebaran maklumat secara berkesan, tepat dan beretika, di samping menyebarkan luas kepentingan literasi maklumat kepada pelajar sekolah menengah. Bengkel ini telah diadakan secara serentak di empat buah sekolah, iaitu di Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), SMK (P) Sultan Ibrahim (SIGS), SMK Sultan Ismail (SSI) dan SMK Sultanah Engku Tun Aminah (SETA) melibatkan 300 orang peserta.

Pengisian lain dalam KM1M ialah Jom Baca Bersama selama 10 minit (Let's Read Together), sumbangan buku dan bahan promosi kepada tujuh buah sekolah, Ceramah Keibubapaan oleh YBhg. Tengku Asmadi bin Tengku Mohamad, ceramah motivasi pelajar oleh Encik Abd Razak bin Muthalib, Pameran Digital, Koleksi Nadir dan Peribadi serta kempen keahlian u-Pustaka. Seramai 2000 pengunjung telah hadir ke program ini selama 3 hari berlangsung.



Pegawai PNM menyambut adik-adik  
di booth PNM

Poster Kem Membaca

Sejak tahun 2006 di bawah teraju Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kempen ini telah diperhebatkan dengan mengadakan program dan aktiviti sepanjang tahun bagi memberi impak yang lebih efektif. Pelbagai institusi telah terlibat di dalam menjayakan program dan aktiviti berkaitan pembacaan dan membaca. Ia bukan sahaja dikendalikan oleh Perpustakaan Negara Malaysia tetapi juga Perpustakaan Awam Negeri, Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan dan Swasta serta institusi lain. Bagi memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat tentang aktiviti Kempen Membaca, Bahagian Pergerakan Literasi Maklumat telah menyediakan pangkalan data Literasi Maklumat i-baca.



# PROGRAM MINDA@KOMUNITI, KUCHING

Oleh : Wan Mohd Saiful Bin Mohd Ghazali



Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menyertai Program Minda@komuniti yang dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia di Padang Merdeka, Kuching, Sarawak pada 11-13 Mac 2016 (Jumaat hingga Ahad). Program ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Pegawai PNM bersama staf Pustaka Negeri Sarawak telah berkolaborasi mempromosi perkhidmatan U-Pustaka termasuk produk dan perkhidmatan perpustakaan digital.

Objektif Program Minda@komuniti adalah :

(a) Pendedahan dan kesedaran teknologi maklumat yang dapat membantu masyarakat mendepani cabaran masa depan dalam era digital.

(b) Meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan pelbagai perkhidmatan teknologi yang membentuk komuniti yang celik IT.

(c) Jurang saluran penyampaian informasi di antara Kementerian dan rakyat.

Untuk memperkenalkan dengan lebih lanjut program ini KKMM telah membahagikan kepada 4 zon iaitu (Zon Capaian, Zon Galakan, Zon Kemahiran, Zon Kebolehpercayaan), u-Pustaka telah dipilih untuk diketengahkan dalam program ini dan diletakkan di bawah Zon Galakkan bersama MOSTI, MAMPU, LDHN, KPDKK, Kastam dan lain-lain agensi kerajaan yang mempunyai perkhidmatan dalam talian. Zon Galakan memberi tumpuan kepada gaya hidup digital, maklumat diujung jari dan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Aktiviti yang di laksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia adalah pendaftaran keahlian u-Pustaka dan pendaftaran keahlian untuk perkhidmatan Perpustakaan Digital. PNM juga bersama Pustaka Sarawak telah berkerja sama dalam aktiviti perpustakaan yang menarik minat masyarakat sekitar Kuching.



# SESI LATIHAN SECARA HANDS-ON PERPUSTAKAAN DIGITAL PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA BAGI PUSTAKAWAN, KAKITANGAN GUNASAMA PNM, AGENSI KERAJAAN NEGERI TERENGANU DAN INSTITUT PERGURUAN ZON TIMUR

Oleh : Siti Shafarah binti Shamsudin



Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menyediakan perkhidmatan Perpustakaan Digital dan ini juga merupakan Agenda Transformasi PNM bagi menyalurkan maklumat kepada masyarakat umum dalam pelbagai bidang tanpa sempadan. Justeru, PNM telah mengadakan Sesi Latihan Secara Hands-On Perpustakaan Digital Perpustakaan Negara Malaysia bagi Pustakawan, Kakitangan Gunasama PNM, Agensi Kerajaan Negeri Terengganu dan Institut Perguruan Zon Timur pada 12-14 April 2016. Sesi latihan ini telah diadakan di IPG Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu.

Seramai 156 peserta telah menghadiri sesi latihan ini yang terdiri daripada 90 orang merangkumi 24 Agensi Gunasama PNM dan Agensi Kerajaan Negeri Terengganu serta 66 orang Pensyarah Zon Timur iaitu IPG Kampus Dato' Razali Ismail, IPG Kampus Kota Bharu, IPG Kampus Sultan Mizan & IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan.

Bagi memberi kefahaman yang mendalam kepada peserta untuk mencari maklumat melalui PNM Digital, pembekal bagi setiap pangkalan data juga turut serta hadir untuk mengajar secara Hands-On. Ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada para peserta untuk bertanya jika mempunyai sebarang permasalahan untuk mengakses pangkalan data tersebut.



Sesi Taklimat Pengenalan Perkhidmatan Perpustakaan Digital PNM yang disampaikan Oleh Pegawai PNM



Sesi Hands-On Pangkalan Data Ebscohost yang disampaikan oleh Pegawai PNM



Oleh : Mahazatfetri bin Mahmud

## PROGRAM “LAN BERAMBEH” DI PERPUSTAKAAN DESA, KAMPUNG SEMERA, SAMARAHAN, SARAWAK



YB Menteri menandatangani buku pelawat Perpustakaan Desa Kampung Semera



Penyampaian sumbangan buku terbitan Jabatan / Agensi di bawah Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia kepada Perpustakaan Desa Kampung Semera



YBrs Ketua Pengarah PNM turut menanam pokok di Taman Semaian Ilmu sempena program “Lan Berambeh” di Perpustakaan Desa Kampung Semera

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama agensi-agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) seperti Jabatan Warisan Negara, Jabatan Muzium Negara, Jabatan Arkib Negara dan Lembaga Balai Seni Visual Negara telah mengadakan program ‘Lan Berambeh’ di Perpustakaan Desa (PD) Kampung Semera, Samarahan, Sarawak pada 28 April 2016 (Khamis).

Program ‘Lan Berambeh’ yang bermaksud Jom Singgah atau Jom Berkampung dalam bahasa Melayu Sarawak diadakan bertujuan untuk mendekati masyarakat luar bandar serta mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin bersama YB Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sempena lawatan kerja rasmi beliau ke negeri Sarawak pada 24 April hingga 8 Mei 2016. Program ini diadakan di PD Kampung Semera adalah bersesuaian dengan peranan PD iaitu sebagai tempat perjumpaan orang ramai untuk aktiviti sosial ke arah mengukuhkan perpaduan dalam kalangan ahli masyarakat serta menyokong pembangunan kebudayaan dan kesenian tempatan.

Kepelbagaian aktiviti yang diadakan secara bersama di antara agensi-agensi di bawah Sektor Kebudayaan, KPK seperti pertandingan / demonstrasi masakan tradisional Sarawak, pertandingan sukan rakyat, persembahan Gendang Melayu Sarawak (Bermukun): Nopeng dan lain-lain lagi dapat memberikan maklumat mengenai peranan dan fungsi agensi berkaitan kepada masyarakat.

Program ini juga dapat memberi peluang kepada Perpustakaan Negara Malaysia mempromosi dan mendedahkan kepentingan serta kegunaan PD kepada pengunjung dalam aktiviti pembangunan sosial masyarakat. Di samping itu, masyarakat setempat juga dapat menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan secara optimum bagi membantu mengubah sosio budaya kepada yang lebih proaktif seperti dapat melahirkan masyarakat yang berpengetahuan tinggi, berfikiran kreatif, kritis dan inovatif.



## PERASMIAN PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG RAJANG, TANJUNG MANIS, SARAWAK



YB Menteri Muda menerima sumbangan netbook oleh PNM untuk kegunaan di Perpustakaan Desa Kampung Rajang

## LAWATAN RASMI YB MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA, DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ KE PD KAMPUNG BATU PUTIH, SANDAKAN, SABAH



YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ketika membaca bersama kanak-kanak

Bangunan Perpustakaan Desa Kampung Rajang telah siap dibina pada bulan Januari 2016 dengan menggunakan "Pelan Tahun 2006" berkeluasan 1,000 kaki persegi. Ia telah memulakan operasi pada bulan Februari 2016

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Rajang telah diadakan secara kerjasama antara Perpustakaan Negara Malaysia dengan Pustaka Negeri Sarawak. Ia telah disempurnakan oleh YB Datu Haji Len Talif Salleh, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Promosi Pendidikan Teknikal) Dan Menteri Muda Alam Sekitar Sarawak merangkap ADUN N.41 Kuala Rajang pada 24 Februari 2016 (Rabu) di Perpustakaan Desa Kampung Rajang, Tanjung Manis, Sarawak.

Ia dapat mempromosikan Perpustakaan Desa di kawasan setempat sebagai sebuah pusat sumber maklumat bagi penduduk tempatan mendapat bahan bacaan dan sumber rujukan untuk menambah ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan seterusnya menjana ekonomi individu dan penduduk tempatan.

Antara aktiviti keilmuan untuk pelbagai peringkat umur turut diadakan seperti Kelas Literasi Maklumat, 'Born To Read', Pertandingan Bercerita, 'Info Hunt', Pertandingan Dekorasi Kek Cawan dan Pertandingan Gubahan Bunga.

Program-program ini diadakan bertujuan mengeratkan silaturahim dan kerjasama antara penduduk kampung selain meningkatkan impak terhadap amalan membaca dan usaha menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan perpustakaan desa.

Satu lawatan ke Perpustakaan Desa Kampung Batu Putih, Sandakan, Sabah telah diadakan pada 26 Mac 2016 (Sabtu) oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sempena lawatan kerja rasmi beliau ke negeri Sabah pada 25 hingga 31 Mac 2016. Lawatan ini julung kalinya YB Menteri KPK hadir ke PD Batu Putih bersama-sama dengan Ketua-Ketua Jabatan di bawah Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mendekati masyarakat luar bandar serta mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin selari dengan peranan perpustakaan desa sebagai tempat perjumpaan orang ramai untuk aktiviti sosial ke arah mengukuhkan perpaduan dalam kalangan ahli masyarakat serta menyokong pembangunan kebudayaan dan kesenian tempatan.

Antara aktiviti dan pertandingan yang dilaksanakan ialah seperti aktiviti literasi maklumat, pertandingan mewarna, memasak makanan tradisional, pantas jawi dan lain-lain lagi. Program sebegini dapat memberi peluang kepada Perpustakaan Negara Malaysia mempromosi dan mendedahkan kepentingan serta kegunaan PD kepada pengunjung dalam aktiviti pembangunan sosial masyarakat. Di samping itu, masyarakat setempat juga dapat menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan secara optimum bagi membantu mengubah sosio budaya kepada yang lebih proaktif seperti dapat melahirkan masyarakat yang berpengetahuan tinggi, berfikiran kreatif, kritis dan inovatif.



# Perhimpunan Bulanan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Bilangan 1/2016

Oleh : Mohd Rizal bin Abdullah



Perhimpunan Bulanan Perpustakaan Negara Malaysia bagi bulan Februari 2016 telah diadakan pada 22 Februari 2016 bertempat di Auditorium PNM Aras 2, Bangunan Anjung Bestari. Perhimpunan bulanan ini yang bertemakan “PNM 50 Tahun: Mendepani Cabaran Memperkasa Perkhidmatan” telah dihadiri oleh lebih 300 orang warga PNM merupakan anjuran Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (BKPSM) dan merupakan perhimpunan bulanan pertama yang diadakan bagi tahun 2016.

Perhimpunan ini dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku diikuti nyanyian Lagu Pustaka Warisan Bangsa dan Lagu Perkhidmatan Awam. Warga PNM seterusnya melafazkan Ikrar Integriti yang diketuai oleh En. Mohammad Yasridz Bin Mohammad Yatim dari BKPSM. Seterusnya, warga PNM dipersembahkan dengan tayangan Imbasan Pencapaian PNM sepanjang Tahun 2015.

Perutusan perhimpunan bulanan ini telah disampaikan oleh Yang Berusaha Puan Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM. Dalam ucapannya, Ketua Pengarah PNM menegaskan bahawa tahun 2016 merupakan tahun yang amat penting bagi semua warga PNM kerana tahun ini merupakan tahun bagi perayaan Jubli Emas penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia (1966 – 2016). Pada asalnya, penubuhan PNM pada tahun 1966 adalah sebagai satu unit di bawah Arkib Negara Malaysia untuk melaksanakan fungsi Akta Pemeliharaan Buku 1966. Namun, sepanjang tempoh berkenaan, banyak perubahan telah berlaku kepada fungsi dan struktur Perpustakaan Negara Malaysia yang kini telah menjangkau usia 50 tahun.

Bersempena dengan sambutan tersebut juga, Yang Berusaha Puan Ketua Pengarah mengingatkan semua warga PNM untuk bekerja dengan lebih berdedikasi bagi melonjakkan lagi kegemilangan PNM yang dinamik serta mampu melahirkan warga kerja 1PNM bermentaliti kelas pertama dalam usaha mencapai visi sebagai organisasi bertaraf dunia menjelang 2020.

Pada perhimpunan bulanan ini juga, telah diadakan majlis penyampaian Sijil Penghargaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Tahun 2015 kepada wakil MBJ sesi 2014/2015 atas jasa berkhidmat sepanjang tahun tersebut. Selain itu, seramai 26 orang pegawai PNM telah dipilih sebagai penerima Sijil Penghargaan Pendaftaran Aset Perpustakaan Desa. Majlis ini juga telah menganugerahkan sijil kepada 4 orang pegawai yang diberi penghargaan oleh pengguna. Penganugerahan sijil penghargaan ini merupakan usaha berterusan pihak pengurusan PNM yang sentiasa prihatin dan menghargai pegawai yang menunjukkan prestasi kerja cemerlang, kesungguhan dan komitmen warganya selain mendapat penghargaan oleh pengguna yang berkunjung ke perpustakaan.

Majlis perhimpunan ini juga mengumumkan pergerakan pertukaran melibatkan 11 orang pegawai yang bertukar serta 4 orang pegawai yang telah menerima pingat kebesaran sepanjang tahun 2015. Sebelum mengakhiri majlis, telah juga diadakan sambutan ulang tahun kelahiran bagi pegawai yang lahir pada bulan Januari dan Februari.



# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2015, KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Oleh : Mohd Rizal bin Abdullah

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015 pada 11 April 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Putrajaya. Majlis ini diadakan bersekali dengan Perhimpunan Bulanan Kementerian bagi bulan April 2016. Majlis ini diadakan bagi menghargai pegawai dan kakitangan Kementerian yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun perkhidmatan 2015.

Seramai 40 orang pegawai dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merupakan sebahagian daripada 389 orang warga Kementerian yang telah dipilih untuk menerima APC bagi tahun ini. Setiap penerima APC telah menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang berserta Sijil Simpanan Premium (SSP) bernilai RM1,000.00. Penyampaian anugerah ini adalah merupakan pengiktirafan kepada mereka yang telah menunjukkan budaya kerja yang cemerlang, komitmen yang tinggi kepada tugas dan amanah yang diberikan. Berikut adalah senarai pegawai dan kakitangan PNM yang telah menerima APC tahun 2015:

- |  |  |
|--|--|
| 1. Pn. Aiany Nur Binti Kinas               | 21. En. Nor Helmi Bin Misa                 |
| 2. En. Anuar Bin Azizan                    | 22. Pn. Norliar Binti Mohamed Salleh       |
| 3. En. Azharizal Bin Abu Bakar             | 23. Pn. Nur Azura Binti Che Noor           |
| 4. Pn. Che Faizatul Hanim Binti Mahmood    | 24. Pn. Nur Sarinaz Binti Che Said         |
| 5. En. David Govindasamy A/L V Subramaniam | 25. Pn. Nurul Syafiqah Binti Abdul Ghani   |
| 6. En. Eddy Bin Indi                       | 26. Pn. Rosenah Binti Abdul Karim          |
| 7. En. Faizul bin Danial                   | 27. Pn. Rosnita Binti Ab Ghani             |
| 8. Pn. Haniza Binti Hamzah                 | 28. En. Saiful Effendi Bin Suamai          |
| 9. Pn. Junaidah Binti Rosliy               | 29. Pn. Salmiah Binti Wan Shamsuddin       |
| 10. Pn. Khaireen Binti Rosli               | 30. Pn. Shamsena binti Ibrahim             |
| 11. Pn. Khuraisah Binti Ibrahim            | 31. Pn. Sharleena Apriliana Binti Adris    |
| 12. Pn. Liyana Afiza Binti Azizan          | 32. Pn. Siti Aishah Binti Sh.Ab.Kadir      |
| 13. En. Lobo Anak Butup                    | 33. Pn. Siti Suhaida Binti Marhad          |
| 14. Pn. Meriyam Binti Abd Aziz             | 34. Pn. Siti Syuhada Binti Yusoff          |
| 15. En. Mohd Azman Bin Ali                 | 35. En. Wan Abdul Hamid Bin Wan Chik       |
| 16. Pn. Noor Adila Binti Abd Rahman        | 36. En. Wan Nor Asmizan Bin Wan Jaafar     |
| 17. Pn. Noor Hazwani Binti Warrmal         | 37. Pn. Wan Nur Fazlina Binti Wan Abdullah |
| 18. Pn. Noorfadzilah Binti Kadar Bawa      | 38. En. Wan Yuhaimisham Bin Wan Yusoff     |
| 19. Pn. Nor Azela Binti Abdul Samad        | 39. Pn. Zaibedah Binti Mohammad            |
| 20. Pn. Nor Azira Binti Ismail             | 40. Pn. Zaleha Binti Zainal Abidin         |

Majlis Perhimpunan Bulanan dan APC ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dan turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha Kementerian, pihak pengurusan atasan Kementerian, serta Ketua-Ketua Pengarah bagi agensi di bawah Kementerian termasuklah Yang Berusaha Puan Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM. Pada majlis ini juga, Kementerian telah melancarkan logo baharu KPK berserta Pelan Strategik KPK 2016-2020.

Buletin PNM mengucapkan tahniah kepada pegawai yang telah mendapat pengiktirafan APC pada kali ini. Diharapkan dengan penganugerahan perkhidmatan cemerlang ini akan menjadi pendorong dan motivasi bagi penerima APC serta keseluruhan warga PNM untuk terus melipat gandakan lagi usaha bagi mempertingkatkan prestasi, kualiti kerja dan produktiviti dalam melaksanakan tugas seterusnya meningkatkan kecemerlangan PNM secara keseluruhannya.





17

1



16



15



13

14

Mesyuarat Penutup  
Audit Pensijilan Semula  
MS ISO 9001:2008  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

3 Mac 2016 | Khamis

9

8



11



12

10



# Sekitar Berita Bergambar





2

3

4



5

6



7

- 1) Ketua Pengarah PNM mempengerusikan Mesyuarat Persatuan Pustakawan Malaysia di Bilik Mesyuarat Lembaga PNM.
- 2) Adik-adik sekolah jemputan hadir memberi persembahan sempena Jom Baca 10 minit.
- 3) Bukan sahaja tajuk Bengkel Pemantapan Projek Inovatif dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) malahan papan tanda pun kreatif.
- 4) Puan Suharti Yusuf menjadi 'volunteer' semasa Bengkel Pemantapan Projek Inovatif dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).
- 5) Ramai juga wanita yang mempunyai bakat terpendam sempena Sukan PNM dalam acara menyanyam ketupat.
- 6) En Ali Rashid, Timbalan Pengarah BPinjaman tidak terlepas peluang berzumba.
- 7) Cik Nordiana binti Ahmad Tajuddin berkongsi maklumat semasa Sesi Pembangunan Profesionalisme PNM.
- 8) Pasukan Kinabalu menjuarai acara sukan boling PNM tahun 2016.
- 9) Pemandangan dari sudut atas Pameran Khazanah Negara di perkarangan PNM.
- 10) Haji Buang Hussin melukis karikatur sempena Jom Baca 10 Minit.
- 11) Panel SIRIM MS ISO 9001:2008 membenteng laporan penutup di Auditorium PNM.
- 12) Pihak SIRIM QAS International Sdn.Bhd mem buka bicara Mesyuarat Pembukaan Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001 : 2008.
- 13) Mungkin ada yang sukar sedang difikirkan oleh Timbalan Pengarah BKK berkenaan mesyuarat yang dihadapinya.
- 14) Encik Wan Saiful dan Encik Rahim bertarung memerah minda pertandingan Catur Sukan PNM.
- 15) Puan Rosyana Roslan dan Puan Nurazilah binti Mohd Bashir bersama peserta wanita yang lain berzumba di gelanggang badminton PNM.
- 16) Encik Jaszman Azi bin Jamalludin, Pengarah BKPSM duduk dari kanan bersama-sama bergambar sebelum perlawanan Futsal sempena Sukan PNM.
- 17) Antara aksi Futsal wanita semasa pertandingan futsal PNM.



Oleh : Mohd Firdaus bin Ngah Sa'aya

# PNM DAN PENYERTAAN DI PBAKL 2016, MAEPS SERDANG



Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2016 telah berlangsung dengan jayanya di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) pada 29 April – 9 Mei 2016. Majlis perasmian telah diadakan pada 29 April 2016 di Pentas Utama, PBAKL 2016 MAEPS Serdang dan disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mahathir Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia. Dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), bersama-sama dengan enam persatuan Industri Buku Malaysia, PBAKL adalah salah satu acara utama dalam kalendar penerbitan global. Sejak tahun 2013, PBAKL mencatatkan lebih 2 juta pelawat setiap tahun. Ia adalah tempat yang sempurna untuk pencinta buku untuk mendapatkan buku-buku terbaru dan promosi daripada penerbit di seluruh rantau ini. Aktiviti seperti pelancaran buku, seminar, konvensyen dan banyak aktiviti lain berada di tempat yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat membaca. Tahun 2016 adalah tahun pertama PBAKL menukar lokasi penganjurannya. Pada tahun ini acara tahunan ini diadakan selama 11 hari berbanding 10 hari pada tahun-tahun sebelumnya. PBAKL 2016 kini berwajah baru dengan berkonsepkan destinasi percutian keluarga. Terdapat pelbagai tarikan di MAEPS seperti SPA Kasih Anana (berasaskan herba & nanas), Lookout Tower (Pemandangan seluruh kawasan MAEPS), Laman Sayur (Sayuran yang segar & hijau), Laman Herba (Terdapat 150 herba & rempah), Laman Padi, 'Bench' yang banyak di Street Mall, Kota Buku (terdapat tempat baca & rehat). 'Food Truck' juga adalah konsep baharu PBAKL 2016.

Seperti kebiasaannya, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) akan turut serta dalam penganjuran PBAKL ini. PBAKL menyediakan platform seperti aktiviti pentas dan tapak gerai yang disewa khusus bagi mempromosi perkhidmatan perpustakaan dan PNM juga bersama-sama menyemarak industri buku Negara. Untuk kali ini penyertaan PNM adalah terhadap beberapa aktiviti dan pentas seiring dengan penjimatan kerajaan pada tahun 2016. PNM dengan kerjasama syarikat Kristal Publication telah menganjurkan aktiviti pentas iaitu pelancaran buku autobiografi "Bermula Sebuah Kisah" Dato' Alif Syukri, Pengasas D'Herbs yang popular dengan tagline 'Terlajak Laris'. Slot aktiviti ini telah diadakan pada 4 Mei 2016 jam 11.00 pagi di pentas utama PBAKL 2016. Majlis pelancaran buku ini telah disempurnakan oleh Puan Maizan Ismail, Timbalan Ketua Pengarah PNM. Secara keseluruhannya, penyertaan PNM di PBAKL 2016 adalah baik dan memuaskan. Terdapat kemerosotan terhadap hasil jualan buku terbitan PNM disebabkan pemilihan lokasi yang agak drastik oleh penganjur yang telah mempengaruhi keputusan akhir hasil jualan buku terbitan PNM. Pun begitu, kehadiran pengunjung ke Pavilion PNM adalah seimbang berbanding tahun-tahun sebelumnya.

**Bangsa Membaca,  
Bangsa Berjaya**



# “READING IN THE PARK”

Oleh : Ali bin Rashid



Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat FRIM dan Program Reading in the Park telah disempurnakan bersama oleh YBhg. Dato' Dr. Abdul Latif Mohmod, Ketua Pengarah FRIM dan YBrs. Puan Hajah Nafisah binti Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Majlis Perasmian telah diadakan di Padang D1, FRIM dengan upacara memotong reben pada bunting perasmian dan penyerahan pokok Kacip Fatimah oleh Ketua Pengarah FRIM kepada Ketua Pengarah PNM sebagai simbolik pelancaran dan tanda penghargaan kerjasama yang telah lama terjalin.

Pelbagai aktiviti menarik dan istimewa diadakan sempena program Reading in The Park antaranya aktiviti siri Lawatan berpandu ke Taman Herba “Arboretum”, Sesi Kraftangan/ Penghasilan Arca, Kitchen Garden, Pertandingan Mewarna dan kuiz. Aktiviti dijalankan serentak di kawasan persekitaran FRIM manakala pertandingan melukis flora dan fauna telah diadakan di Aras 1, Perpustakaan FRIM.

Turut diadakan adalah Story Playground, Kraftangan Bijirin yang berasaskan bahan semulajadi, Face Painting, Books on the Go, Give and Take Books dan juga Pendaftaran Keahlian PNM/U-Pustaka serta pameran. Sementara itu, sesi Bercerita berjudul Goldilocks and the Three Bears telah disampaikan oleh mahasiswa/i Diploma Sains Perpustakaan dan Maklumat, UNISEL yang bekerjasama dengan PNM bagi menjayakan aktiviti ini.

Seramai 1,065 orang peserta telah menghadiri dan mengambil bahagian dalam program ini yang terdiri daripada ahli Perpustakaan PNM (Kanak-Kanak serta Keluarga) kakitangan FRIM dan PNM serta orang ramai sekitar Lembah Kelang dan Selangor.

Diharap dengan pelaksanaan aktiviti secara kerjasama antara FRIM dan Perpustakaan Negara Malaysia ini, kita berupaya menanam semangat cintakan dan menghargai alam sekitar di samping memupuk amalan membaca kepada masyarakat khususnya kanak-kanak secara berterusan dengan harapan agar budaya ilmu dan budaya membaca ini terus disebarkan.



PNM sentiasa menganjurkan pelbagai aktiviti khusus untuk pengunjung kanak-kanak, remaja dan dewasa melalui kerjasama dengan institusi luar dan sukarelawan sejajar dengan usaha memupuk minat membaca di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan tanpa mengira kaum dan lapisan umur sekaligus menjadikan PNM antara pusat interaksi sosial pembelajaran sepanjang hayat yang menjadi tumpuan dan pilihan masyarakat.

Bersempena dengan sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat FRIM 2016, PNM untuk buat kali yang ketiga telah bekerjasama dengan FRIM untuk menjayakan aktiviti kekeluargaan yang bertemakan ‘Reading in the Park’. Aktiviti ini menjurus kepada usaha menanam semangat cintakan alam sekitar dan memberi kesedaran kepentingan menjaga keharmonian ekosistem alam kepada masyarakat khususnya kanak-kanak dan remaja.

Objektif program ini antaranya adalah untuk menanam semangat cintakan alam sekitar dan kesedaran memelihara keseimbangan ekosistem di kalangan kanak-kanak. Selain itu ia bertujuan memberi pendedahan berkaitan sumber rujukan dan bahan bacaan berkaitan alam sekitar dan perhutanan yang terdapat di Perpustakaan Kanak-Kanak.



# PAMERAN KHAZANAH WARISAN NEGARA

Oleh : Nurul Suhaiza binti Nin



Pameran Khazanah Warisan Negara telah diadakan pada 28 Mac 2016 - 30 Jun 2016 bertempat di Ruang Pameran Aras 1 Bangunan Anjung Bestari, PNM. Objektif pameran ini ialah untuk :

- Menonjolkan kepentingan koleksi PNM sebagai khazanah warisan negara yang perlu dihayati dan dipelihara;
- Menyebarkan koleksi PNM sebagai bahan rujukan dan penyelidikan utama; dan
- Mempromosi koleksi PNM kepada masyarakat.

Pameran ini memaparkan sebahagian daripada koleksi Perpustakaan Negara Malaysia yang mempunyai nilai keilmuan. Meliputi koleksi bahan terawal yang diterima di bawah Akta 331 iaitu Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986, koleksi bahan sejarah dan peristiwa, koleksi bahan unik dan menarik, koleksi Manuskrip Melayu, bahan nadir dan koleksi peribadi. Koleksi yang dipamerkan merangkumi buku, majalah, surat khabar, laporan tahunan, peta, kamus, piring hitam, video kaset, mikrofilem, cakera padat dan lain-lain.

Pameran ini berjaya menarik lebih 7000 orang pengunjung yang terdiri daripada pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta orang awam yang menggunakan perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia. Pameran ini juga menerima maklum balas yang positif daripada Pengunjung.



# PROGRAM SIHAT @ GAYA SIHAT

Oleh : Ali bin Rashid

Tarian parti atau lebih dikenali sebagai Zumba yang berasal dari Sepanyol merupakan senam tari yang menggabungkan pelbagai rentak muzik dan diperkenalkan oleh jurulatih senaman terkenal dari Colombia, Beto Perez. Aktiviti Zumba ini merupakan aktiviti senam tari yang dianjurkan oleh Biro Sosial dan Kebudayaan, Kelab Perpustakaan Negara Malaysia. Aktiviti Zumba ini diadakan dua (2) kali sebulan bermula pada 15 Februari 2016 yang lalu di Pusat Sukan dan Rekreasi, aras 7, Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia sempena sambutan program sihat @ gaya hidup.




Idea penganjuran ini dikemukakan oleh Ketua Pengarah PNM selaku penaung Kelab PNM. Aktiviti Zumba ini diadakan bertujuan meningkatkan amalan hidup sihat di kalangan staf agar lebih cergas dan cerdas setiap masa. Selain itu, melalui aktiviti zumba ini, staf dapat mengeratkan silaturrahim di samping dapat bertukar idea dalam meningkatkan motivasi diri khususnya dalam seni sukan.



Aktiviti zumba ini dikendalikan oleh jurulatih kecergasan yang berpengalaman iaitu Puan Siti Belinda Mohd Noor yang seringkali menjadi instruktur zumba di peringkat jabatan, kementerian mahupun komuniti.




## BADAN SIHAT, MINDA CERGAS







KEMENTERIAN  
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



## PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

232 JALAN TUN RAZAK, 50572 KUALA LUMPUR  
TEL : +603-2687 1700 | FAX: +603-2694 2490



<https://www.flickr.com/photos/saluransosialpnm/>



<https://www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia>



[https://twitter.com/PNM\\_sosial](https://twitter.com/PNM_sosial)